

TIONG AIR
Common Moorhen

FAMILI :Rallidae
NAMA SAINTIFIK: *Gallinula chloropus*



CIRI-CIRI

Secara keseluruhannya, burung ini berwarna gelap dengan garis putih yang jelas di bahagian kepak dan bawah ekornya. Selain itu, ia mempunyai ciri seakan-akan perisai di hadapan muka dan paruh yang merah dengan hujungnya yang berwarna kuning. Selain daripada itu, kaki dan jari kakinya juga berwarna kuning. Bagi burung juvenil, bahagian badan atas agak kecoklatan dengan paruh dan juga perisai muka hijau kecoklatan dan warna kaki yang lebih pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 30.0-38.0 sm. Berat 320-493 g.

MAKANAN

Serangga, krustasia, amfibia, ikan dan tumbuh-tumbuhan.

HABITAT

Kawasan tasik dan kolam air tawar, paya, sawah padi dan kawasan pengairan hingga ke ketinggian 1, 000 m dari aras laut.

BUNYI

berbunyi *krrrruk*, *kurr-ik* atau *kark* yang kuat bagi menandakan kawasan. Selain itu, ia juga mengeluarkan bunyi *kook*, *kekuk* atau *kittick* atau *keh-keh* apabila mengesan bahaya.

TABIAT

Spesies ini berkeupayaan untuk menangkap dan memakan mangsanya sambil berenang dan berjalan atas permukaan tumbuhan akuatik.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan sepanjang tahun dan menghasilkan antara 4-14 biji telur yang berwarna putih kekelabuan dengan tompok hitam atau ungu. Kebiasaannya, sarangnya dibina di celah-celah vegetasi di kawasan yang cetek, pohon yang rendah atau di kawasan belukar.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.

CIRI: Secara keseluruhannya, burung ini berwarna gelap dengan garisan putih yang jelas di bahagian kepek dan bawah ekornya. Selain itu, ia mempunyai ciri seakan-akan perisai di hadapan muka dan paruh yang merah dengan hujungnya yang berwarna kuning. Selain daripada itu, kaki dan jari kakinya juga berwarna kuning. Bagi burung juvenil, bahagian badan atas agak kecoklatan dengan paruh dan juga perisai muka hijau kecoklatan dan warna kaki yang lebih pudar.

SAIZ: Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 30.0 - 38.0 sm. Berat 173 - 493 g.\